

Singapura akui tambak laut beri masalah

BH 14 MAR 2002
Oleh Kadir Dikon

SUBANG, Rabu – Singapura, yang mulanya menolak dakwaan Malaysia mengenai kesan buruk penambakan laut di perairan Selat Tebrau, kini mengaku wujud masalah daripada kegiatan berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Ya... pada mulanya mereka tolak dakwaan kita bahawa ada masalah tetapi sekarang ini, mereka mengaku bahawa mereka akanimbang apabila kita kemukakan bantahan,” kata Perdana Menteri.

Beliau menjawab soalan pemberita sebelum berlepas untuk memulakan lawatan ke Russia, Jerman dan Poland di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai jaminan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong berkisar kepada isu itu ketika mengadakan pertemu-

boleh nak bagi tahu lagi. Kita sedang dok buat. Kita sudah ada idea macam mana nak buat dan kita akan kemukakan kepada Singapura. Singapura tak nak lah kalau kita berunding melalui media. Jadi kita hormati,” katanya.

Beliau menjelaskan, harga air adalah antara yang termasuk dalam formula baru itu kerana penjualan air mentah ke Singapura sekarang adalah pada paras tidak munasabah. Oleh itu, Malaysia mahu harga penjualan air itu lebih tinggi daripada sekarang.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, rundingan nanti sebenarnya pakej baru yang bukan saja merangkumi soal harga air malah termasuk isu tanah.

“Isu tanah, semua sekali akan dipakejkan. Ya... benda-benda lain, benda baru, kita tambah,” katanya.

Kelmarin, Lee berkata Malaysia sudah mengemukakan cadangan termasuk formula baru bagi harga

an dengannya di Putrajaya kelmarin.

Kelmarin, Lee, yang memberi jaminan bahawa pihaknya akan mengkaji nota bantahan Malaysia berkaitan kebimbangan mengenai projek penambakan laut oleh republik itu menegaskan, kegiatan itu adalah haknya serta tidak menjejaskan sempadan kedua-dua negara.

Sebelum itu, Perdana Menteri dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pertemuan berasingan dengan Lee, menyuarakan kebimbangan Malaysia mengenai isu itu dan akan menghantar nota bantahan.

Difahamkan tindakan Singapura menambak pantai yang menghadap Selat Tebrau termasuk di Pulau Tekong menyebabkan laluan kapal ke Pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas semakin sempit selain menjejaskan sistem ekologi di kawasan itu.

Dr Mahathir yakin isu berhubung penambakan laut oleh Singapura itu dapat diselesaikan secara baik jika kedua-dua pihak ikhlas.

Ditanya apakah formula baru yang dikemukakan Malaysia kepada Singapura dalam rundingan pakej isu dua hala membabitkan pelbagai perkara termasuk harga air, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang menggubalnya.

“Formula baru kita tak

air kepada Singapura minggu lalu menerusi surat yang dikirimkan Dr Mahathir kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

Lee berkata, beliau sudah memberitahu Dr Mahathir bahawa pihaknya memerlukan masa untuk mengkaji cadangan baru itu.

September lalu, Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertangguh yang berlarutan begitu lama selepas perbincangan antara Dr Mahathir dan Kuan Yew yang melawat Kuala Lumpur ketika itu.

Persetujuan itu merangkumi penjualan air oleh Malaysia ke Singapura, pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM Tanjung Pagar Singapura, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Selain isu itu, kedua-dua pihak bersetuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru siap pada 2007.

LIHAT MUKA 2

PM yakin calon BN menang

DARI MUKA 1

Bagaimanapun, Singapura mengemukakan cadangan balas. Januari lalu,

Dr Mahathir dilaporkan berkata, Malaysia tidak setuju dengan tawaran baru republik itu untuk membeli air

mentah pada harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) kerana ia terlalu murah.

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ketari, Pahang, beliau yakin calon Barisan Nasional (BN) Yum Ah Ha dari Gerakan

akan menang.

Dr Mahathir juga berkata lawatannya ke Russia dan Jerman penting bagi meningkatkan dagangan Malaysia.

“Memang penting kerana kita nak tingkatkan dagangan kita dengan seberapa banyak negara yang boleh,” katanya.